

**Media item****Full Text****KKM tingkat pengawasan genomik kesan varian Omicron**

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia by Bernama  
News - Page 0 - 168 words - ID my0046191295 - Photo: No - Type: -  
Size: 64.00cm<sup>2</sup>

30 Nov 2021

KKM tingkat pengawasan genomik kesan varian Omicron SHAH ALAM: Kementerian Kesihatan (KMM) akan meningkatkan pengawasan genomik di pintu-pintu masuk antarabangsa untuk memastikan kewujudan varian baharu Omicron dapat dikesan dengan cepat. Menteri ini yang Jamaluddin berkata setakat ini kerajaan telah berjaya meningkatkan kapasitanalisis jujukan genom penuh kepada 1,500 sampel sebulan."Dengan adanya varian membimbangkan (VOC) ini saya akan memohon kepada Kementerian Kewangan untuk tambah lagi peruntukan agar kita dapat tingkatkan lagi kapasitinya bagi melaksanakan pengawasan genomik," katanya pada sidang media selepas Majlis Apresiasi Petugas CO VID-19 Institut Kesihatan Negara di sini semalam.Beliau berkata jujukan genom penuh itu penting kerana melalui cara tersebut pihaknya akan dapat mengesan jenis varian yang telah berada di Malaysia."Melalui jujukan genom penuh, kita mengesan varian Delta telah ada di Malaysia dan analisis itu juga penting sekiranya varian baharu, Omicron juga wujud di Malaysia. "Setakat hari ini melalui KKM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pengajian Tinggi yang membentuk konsortium bagi meningkatkan kapasiti penjelajahan genom COVID-19, belum lagi menerima laporan mengenai varian Omicron di Malaysia," katanya. — Bernama

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.